

## SYARAT-SYARAT KELULUSAN LESEN BILLBOARD

1. Pihak Syarikat adalah dikehendaki mengemukakan salinan Polisi Insurans Liabiliti Awam yang baru bagi papan tanda yang dimohon.
2. Sebelum tamat tempoh sesuatu lesen papan tanda iklan, Pihak syarikat adalah diperlukan (sekiranya perlu) untuk **memohon perlanjutan / pembaharuan lesen** berkenaan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berkaitan.
3. Pihak syarikat hendaklah menyelenggara papan tanda iklan dan visual papan iklan apabila didapati using / lusoh.
4. Sebarang perubahan / pertukaran visual yang akan dipaparkan hendaklah mendapat kelulusan daripada MPS terlebih dahulu. Perkataan yang didalam visual hendaklah dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya atau menunjukkan keutamaan dalam penggunaan Bahasa Malaysia.
5. Visual yang mengiklankan **minuman keras, rokok** dan **berbentuk lucah** tidak dibenarkan sama sekali dipamerkan.
6. Pembaharuan lesen iklan tahunan hanya dilakukan setelah syarikat iklan mengemukakan laporan dan perakuan struktur keselamatan papan iklan oleh jurutera bertauliah dan jabatan kejuruteraan, MPS.
7. Satu ruang khas (cladding) dibahagian bawah papan tanda hendaklah disediakan untuk mempamerkan mesej majlis yang boleh ditukar dari masa ke semasa. **Logo MPS**, perkataan "**MAJLIS PERBANDARAAN SELAYANG**" dan slogan "**SELAYANGKU SAYANG**" hendaklah dipaparkan disebelah kiri (cladding) tersebut.